

UMS luaskan kerjasama antarabangsa bersama universiti di Kemboja

NST 24.10.2018 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama bersama institusi pengajian tinggi di peringkat antarabangsa melalui satu jalinan kerjasama bersama Pannasastra University of Cambodia (PUC), sebuah universiti swasta yang terkenal di Kemboja dan juga kelompok akademik di Eropah, Asia Timur, dan Amerika Syarikat.

Hasrat itu dinyatakan dalam satu kunjungan hormat oleh delegasi UMS yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail ke universiti tersebut baru-baru ini.

Delegasi UMS yang disambut mesra oleh Naib Presiden Hubungan Antarabangsa, Teknologi Maklumat dan Pusat Maklumat PUC, Long Kimheng kemudiannya mengadakan satu mesyuarat bagi perbincangan ke arah suatu hubungan kerjasama yang mantap di antara kedua-dua universiti, yang turut dihadiri oleh Naib Presiden Lojistik dan Kejuruteraan PUC, Justin Dara Op, Penolong Canselor PUC, Victor Theng dan Pengarah Hubungan Antarabangsa PUC, Sam Sukon Sok.

Mesyuarat tersebut diakhiri dengan satu upacara menandatangani surat niat antara kedua-dua universiti bagi mewujudkan hubungan kerjasama rapat dalam pembangunan pelajar dan kakitangan

akademik antara UMS dan PUC.

Dalam pada itu, Pengarah Program, Amsalie Pisali dalam satu kenyataan berkata, program tersebut dijayakan hasil peruntukan setiap tahun oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah kepada Persatuan Pelajar Pascasiswazah di bawah program "Youth Generation through Cultural Integration 2.0".

"Penganjuran program sebegini sekali gus mampu membina hubungan baik antara universiti dan negara amnya menerusi hubungan pelajar-pelajar pascasiswazah di negara yang dilawati.

"Beberapa aktiviti kemasyarakatan turut kita adakan di beberapa buah kampung di sini sepanjang lawatan kerja ini berlangsung," katanya.

Lawatan itu turut disertakan dengan tarian kebudayaan yang dipersembahkan oleh 11 pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah dari UMS yang juga merupakan EXCO Persatuan Pelajar Pascasiswazah UMS.



BERTUKAR DOKUMEN ... Prof. Dr. Rasid (tiga dari kiri) pada satu majlis menandatangani Surat Niat bersama Pannasastra University of Cambodia.



KENANGAN ... Delegasi UMS merakamkan gambar kenangan bersama kakitangan dan pelajar yang menjayakan persembahan tarian kebudayaan dalam satu majlis.